



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

**KENYATAAN MEDIA**  
**YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR HAJI NASARAH**  
**MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**14 MAC 2020**

---

Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri yang telah menaruh kepercayaan kepada saya bagi menerajui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli bersama-sama YB Tuan Ali anak Biju selaku Timbalan Menteri.

Saya telah memulakan tugas di Kementerian Tenaga dan Sumber Asli pada 11 Mac 2020 dan telah mendengar taklimat mengenai portfolio, tugas dan tanggungjawab Kementerian serta Jabatan-jabatan di bawahnya. Saya berkeyakinan untuk memikul tugas dan amanah yang diberikan bagi menerajui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dengan lebih cemerlang dengan sokongan padu daripada Timbalan Menteri, YB Tuan Ali anak Biju, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Pengarah Jabatan serta seluruh warga Kementerian.

Antara perkara utama yang telah saya tekankan adalah untuk melaksanakan agenda tadbir urus yang baik di samping memberikan perkhidmatan yang mesra rakyat di setiap peringkat sama ada Kementerian mahupun Jabatan.

Berpaksikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli akan terus menyusun atur dasar, strategi dan tindakan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun secara mampan melalui penekanan kepada pengukuhan pengurusan tenaga dan sumber asli secara lestari.

Malaysia amat bertuah dianugerahi sumber hutan asli bernilai tinggi serta menyumbang secara signifikan kepada pembangunan sosioekonomi negara. Hutan di Malaysia kaya dengan pelbagai spesies flora dan fauna. Kerajaan akan meneruskan komitmen untuk memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dikekalkan sebagai kawasan berhutan dan dilitupi pokok-pokok sepertimana yang dinyatakan semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992. Bagi memelihara serta meningkatkan kawasan litupan hutan negara, Kementerian ini melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan jabatan-

jabatan perhutanan negeri akan menggerakkan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dalam tempoh lima tahun mulai tahun ini.

Di samping itu, kerjasama strategik akan terus dilaksanakan dengan penglibatan Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB). Kementerian ini akan memberikan penekanan seimbang dalam aspek pembangunan sosioekonomi dan pemeliharaan sumber aslinya dengan:

- memelihara dan mengurus hutan negara berdasarkan prinsip-prinsip pengurusan secara berkekalan;
- memelihara dan memulihara biodiversiti dan sumber genetik;
- melaksanakan dan menguatkuaskan kerangka perundangan berkaitan akses kepada sumber biologi serta biokeselamatan; dan
- meningkatkan penyelidikan dan pendidikan.

Gerakan memperkuuhkan inisiatif perlindungan hidupan liar terancam dari kepupusan akan terus menjadi teras utama saya dalam menerajui Kementerian ini. Kerjasama strategik oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) di bawah Operasi Bersepadu Khazanah yang dimulakan pada tahun 2019 ternyata amat berjaya dan berkesan. Operasi ini akan diteruskan pada tahun 2020 secara besar-besaran bagi mencapai sasaran *zero poaching* dalam jangka masa panjang. Kempen spesifik seperti ‘Kempen Selamatkan Harimau Malaya’ akan terus dilaksanakan dengan bantuan dan kerjasama strategik badan korporat dan rakan-rakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Kementerian komited untuk terus meningkatkan usaha bagi meminimumkan isu konflik manusia dengan hidupan liar yang sering dihadapi oleh rakyat.

Pengurusan biodiversiti memerlukan pendekatan yang bersepadu dan menyeluruh memandangkan bidang ini melibatkan isu merentas sektor (*cross-sectoral*). Bagi mencapai hasrat ini, saya akan melipatgandakan usaha untuk mengarusperdana (*mainstreaming*) pengurusan biodiversiti dalam sektor-sektor utama negara seperti sektor kesihatan, pelancongan, pertanian, perladangan dan komoditi, perlombongan, infrastuktur dan tenaga, pengangkutan serta perindustrian. Semua pihak berkepentingan termasuk kerajaan negeri hendaklah menyokong hasrat ini selaras dengan komitmen negara di peringkat antarabangsa.

Kementerian ini melalui Jabatan Biokeselamatan (JBK) akan meningkatkan pengawalseliaan aktiviti kegunaan terkawal serta pelepasan organisma diubahsuai yang hidup (*living modified organism* - LMO). Ini bertujuan untuk memastikan perkembangan pesat bioteknologi moden tidak akan membawa sebarang kemudaratan kepada kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan alam sekitar.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli juga menjadi peneraju kepada pengurusan mampan sumber asli negara dan dengan itu berperanan menggerakkan usaha untuk membangunkan sumber mineral sebagai salah satu sumber ekonomi baharu negara. Kementerian ini melalui Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) sedang membuat penilaian terhadap mineral-mineral yang berpotensi sebagai sumber kekayaan baharu kepada negara. Hasil kajian yang dijalankan akan menjadi asas kepada dasar pembangunan yang akan berpandukan kepada prinsip perlombongan mampan (*sustainable mining*) bagi menjamin kelestarian alam sekitar dan keselamatan rakyat.

Bagi memberi kemudahan dan mempercepatkan proses urusan tanah oleh pengguna di pejabat tanah serta capaian maklumat oleh pelanggan tanpa mengabaikan aspek keselamatan, Kementerian memperkenalkan Sistem e-Tanah yang merupakan sebuah aplikasi kerajaan elektronik (e-Government) bersepadu selaras dengan Program Transformasi Kerajaan. Pelaksanaan e-tanah ini telah menerima pengiktirafan dan menyumbang ke arah peningkatan kedudukan Malaysia dalam *Laporan Ease of Doing Business* Tahun 2020 ke kedudukan ke-12 daripada 190 negara di dunia berbanding di kedudukan ke-15 pada tahun 2019. Sistem e-Tanah secara Kerjasama Awam-Swasta telah berjaya dilaksanakan secara perintis di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 2017 dan akan diperluaskan ke Negeri Perak, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan, Terengganu, Selangor, Pahang, Johor, Kelantan, Kedah dan Perlis.

Bagi sektor tenaga, saya akan meneruskan agenda untuk merancakkan pertumbuhan industri Tenaga Boleh Baharu negara selaras dengan hasrat Kerajaan di bawah WKB 2030. Saya juga akan memastikan supaya industri bekalan elektrik negara menyokong usaha Kerajaan untuk melaksanakan pakej rangsangan ekonomi dengan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek Tenaga Boleh Baharu dan pembangunan infrastruktur bekalan elektrik negara di samping memberi diskaun bil elektrik kepada sektor-sektor yang terjejas dengan penularan wabak Covid-19. Saya dan pegawai-pegawai saya sedang meneliti perancangan yang telah dibuat dalam sektor tenaga bagi memastikan inisiatif yang telah dirancang adalah bertepatan dengan hasrat dan dasar Kerajaan baharu dan akan mengumumkan halatuju industri bekalan elektrik negara di bawah Kerajaan baharu setelah mendapat penjelasan yang lebih terperinci mengenainya.

Saya berharap agar segala perancangan saya dalam menerajui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli ini akan mendapatkan sokongan padu daripada semua pihak untuk kita sama-sama melaksanakan tugas dan amanah yang telah diberikan ini.

**YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR HAJI NASARAH  
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI  
14 MAC 2020**